



# **JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**LIABILITI PENGENDALI DAN PEMBERI  
PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL  
(PPPD) UNTUK MENGAKAUNKAN CUKAI  
PELANCONGAN YANG DITERIMA**

**KETETAPAN UMUM BIL. 01/2025**

---

**TARIKH KUATKUASA: 1 DISEMBER 2025**

## **KETETAPAN UMUM**

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 31A Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTx). Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum bagi menetapkan liabiliti untuk mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya, atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baharu atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang memberi kesan kepada kandungan ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

### **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: **1 Disember 2025**

No. Fail: KE.HF(152) 431/15(1)

### **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

### **Penafian**

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini.

---

## ISI KANDUNGAN

|            |                                                          |          |
|------------|----------------------------------------------------------|----------|
| <b>1.</b>  | <b>PENGENALAN .....</b>                                  | <b>1</b> |
| <b>2.</b>  | <b>PERUNDANGAN .....</b>                                 | <b>1</b> |
| <b>3.</b>  | <b>KETETAPAN DAN PENERANGAN .....</b>                    | <b>1</b> |
| <b>3.1</b> | <b>Pengenaan Cukai Pelancongan.....</b>                  | <b>1</b> |
| <b>3.2</b> | <b>Tanggungjawab Mengakaunkan Cukai Pelancongan.....</b> | <b>2</b> |
| <b>3.3</b> | <b>Tanggungjawab Menyimpan Rekod.....</b>                | <b>3</b> |

---

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum ini selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 31A Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTx).
- 1.2 Ketetapan Umum ini dikeluarkan berhubung dengan perundangan di bawah Cukai Pelancongan (TTx) serta perundangan subsidiarinya bagi menjelaskan berkenaan liabiliti pengendali atau Pemberi Perkhidmatan Platform Digital (PPPD) untuk mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima.

## **2. PERUNDANGAN**

Perundangan berkaitan dengan liabiliti untuk mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 6 Akta Cukai Pelancongan 2017;
- ii. Seksyen 20A Akta Cukai Pelancongan 2017;
- iii. Seksyen 17 Akta Cukai Pelancongan 2017;
- iv. Seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017;
- v. Seksyen 20I Akta Cukai Pelancongan 2017; dan
- vi. Seksyen 24 Akta Cukai Pelancongan 2017.

## **3. KETETAPAN DAN PENERANGAN**

### **3.1 Pengenaan Cukai Pelancongan**

- 3.1.1 Di bawah subseksyen 6(1) menyatakan suatu cukai yang dikenali sebagai cukai pelancongan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seseorang pengendali pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 8. Di bawah subseksyen 6(2) pula menyatakan tertakluk kepada subseksyen (3), adalah menjadi kewajipan pelancong itu untuk membayar cukai pelancongan kepada pengendali.
- 3.1.2 Berdasarkan subseksyen 20A(1), walau apa pun seksyen 6, cukai pelancongan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang

---

disediakan melalui perkhidmatan yang berhubungan dengan tempahan premis penginapan dalam talian yang diberikan oleh PPPD pada kadar yang ditetapkan mengikut seksyen 8. Manakala subseksyen 20A(2) telah memperuntukkan adalah menjadi kewajipan pelancong itu untuk membayar cukai pelancongan kepada PPPD.

### 3.2 Tanggungjawab Mengakaunkan Cukai Pelancongan

- 3.2.1 Di bawah Seksyen 19 dan seksyen 20I Akta Cukai Pelancongan 2017 jelas menyatakan pengendali atau PPPD yang menerima cukai pelancongan daripada pelancong hendaklah mengakaunkan dan membayar cukai tersebut kepada KPK mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.
- 3.2.2 Manakala di bawah subseksyen 20A(3) Akta Cukai Pelancongan 2017 telah memperuntukkan pengendali premis penginapan tidak boleh memungut cukai pelancongan yang telah dikenakan oleh PPPD dengan syarat pelancong dapat membuktikan pembayaran tersebut.
- 3.2.3 Berdasarkan seksyen 19(2) Akta Cukai Pelancongan 2017, jika keseluruhan atau apa-apa bahagian cukai pelancongan tidak diterima oleh pengendali daripada pelancong dalam **tempoh dua belas (12) bulan** dari tarikh invois bagi penginapan itu disediakan, **pengendali hendaklah mengakaunkan** cukai pelancongan dalam penyata tempoh bercukai yang berikutnya selepas berakhirnya tempoh tersebut.
- 3.2.4 Oleh itu, adalah menjadi **tanggungjawab pengendali** untuk memastikan **cukai tersebut dibayar oleh pelancong** yang menginap di premis penginapan yang disediakan melalui perkhidmatan tempahan premis penginapan dalam talian atau yang disediakan oleh pengendali premis penginapan itu sendiri.
- 3.2.5 PPPD yang **menerima bayaran tempahan** premis penginapan secara terus daripada pelancong **adalah bertanggungjawab** untuk mengakaunkan cukai pelancongan kepada JKDM mengikut tempoh bercukai PPPD berkenaan.
- 3.2.6 Pengendali dan PPPD boleh membuat **permohonan pemotongan cukai pelancongan** melalui penyata cukai dalam masa satu (1) tahun selepas pembayaran balik amaun cukai pelancongan dibuat kepada pelancong **jika berlaku pembatalan penginapan**.

---

### 3.3 Tanggungjawab Menyimpan Rekod

Setiap pengendali dan PPPD adalah bertanggungjawab untuk **menyimpan rekod yang lengkap, benar dan kemas** bagi segala transaksi berhubung dengan cukai pelancongan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 17 dan seksyen 20J Akta Cukai Pelancongan 2017. Antara rekod yang perlu disimpan adalah:

- i. rekod pengenalan pasport pelancong;
- ii. maklumat dan butir penginapan pelancong;
- iii. salinan pengenalan pasport pelancong bagi tujuan pengecualian cukai;
- iv. invois, resit, nota debit dan nota kredit;
- v. laporan harian dan bulanan penginapan pelancong;
- vi. rekod cukai pelancongan yang telah dipungut oleh PPPD;
- vii. semua rekod yang berhubung dengan transaksi cukai pelancongan; dan
- viii. semua rekod yang berhubung dengan premis penginapan yang disediakan.

**KETUA PENGARAH KASTAM  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**